

MPU3142

**BAHASA MELAYU**  
**KOMUNIKASI II**

SELF INSTRUCTIONAL  
MATERIALS

ACADEMIC YEAR 2023

**FACULTY OF BUSINESS, HUMANITIES &  
HOSPITALITY**

**BACHELOR OF COMMERCE (HONOURS)  
IN BANKING AND FINANCE**



# TOPIK 3 Saya, Kawan dan Keluarga I

## HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir topik ini, anda seharusnya dapat:

1. Menggunakan ucapan tegur sapa;
2. Membezakan kata nama am dengan kata nama khas;
3. Menggunakan kata ganti nama;
4. Membezakan empat jenis pola ayat dasar; dan
5. Membina ayat menggunakan gabungan frasa nama dengan frasanama.

## PENGENALAN

Sedarkah anda bahawa pengenalan diri, kawan dan keluarga merupakan asas dalam penggunaan bahasa Melayu? Hal ini kerana sebelum seseorang itu mahir menggunakan bahasa Melayu, dia perlu menguasai semua aspek tentang diri sendiri dan masyarakat di sekitarnya. Selain rakan, pihak yang paling hampir dengan diri seseorang ialah ahli keluarga.

Oleh itu, fokus utama topik ini adalah untuk membolehkan anda bertegur sapa, memulakan perbualan dan memperkenalkan diri dengan mempelajari kata am, kata nama khas, kata ganti nama dan empat jenis pola ayat dasar dalam bahasa Melayu. Mari kita teruskan pembelajaran kita!


## UCAPAN 3.1 TEGUR SAPA

Berkomunikasi dalam bahasa Melayu memerlukan seseorang itu menegur atau menyapa orang lain. Terdapat beberapa ungkapan yang biasanya digunakan oleh seseorang untuk memulakan perbualan atau bertegur sapa. Apakah ungkapan tersebut? Mari kita lihat Jadual 3.1 yang memberikan beberapa contoh mengenainya.

**Jadual 3.1:** Ungkapan Tegur Sapa

Ungkapan dalam Bahasa Melayu	Ungkapan dalam Bahasa Inggeris
Hai	<i>Hi</i>
Helo	<i>Hello</i>
Selamat pagi	<i>Good morning</i>
Selamat tengah hari	<i>Good afternoon</i>
Selamat petang	<i>Good evening</i>
Selamat malam	<i>Good night</i>
Selamat datang	<i>Welcome</i>
Apa khabar?	<i>How are you?</i>
Terima kasih	<i>Thank you</i>
Sama-sama	<i>You are welcome</i>
Khabar baik. Terima kasih.	<i>I am fine. Thank you.</i>
Jumpa lagi	<i>See you later</i>
Selamat tinggal/selamat jalan	<i>Goodbye</i>

Mari kita lihat Rajah 3.1 yang menunjukkan satu contoh perbualan menggunakan ucapan tegur sapa.




Rajah 3.1: Contoh penggunaan ungkapan untuk bertegur sapa

## KATA 3.2 MA

Apakah yang dimaksudkan dengan kata nama?

**Kata nama** ialah perkataan yang digunakan untuk **merujuk sesuatu** benda, manusia, haiwan, alam dan sebagainya.

Untuk makluman anda, kata nama terbahagi kepada dua, iaitu **kata nama am** dan **kata nama khas** (lihat Rajah 3.2).



**Rajah 3.2:** Dua jenis kata nama

Mari kita lihat Jadual 3.2 yang memberikan beberapa contoh kata nama am dan kata nama khas.

**Jadual 3.2:** Contoh Kata Nama Am dan Kata Nama Khas

Kata Nama Am	Kata Nama Khas
Meja ( <i>table</i> )	Mark Adam
Kerusi ( <i>chair</i> )	Nilai University
Sudu ( <i>spoon</i> )	Malaysia
Baju ( <i>shirt</i> )	Putrajaya
Bola ( <i>ball</i> )	Linda
Pokok ( <i>tree</i> )	Toyota
Basikal ( <i>bicycle</i> )	Dell
Lampu ( <i>lamp</i> )	Sunway International School
Jalan ( <i>road</i> )	Gardenia
Padang ( <i>field</i> )	Ridsect



### SEMAK KENDIRI 3.1

Senaraikan lima contoh kata nama am dan lima contoh kata nama khas.



### AKTIVITI 3.1

Baca petikan akhbar berikut.

Pada awal subuh, kelihatan beberapa nelayan memikul jaring turun ke jeti yang terletak di tebing Sungai Pahang. Tugas menjaring ikan akan dimulakan sebaik sahaja giliran masing-masing tiba.

Terdapat kira-kira 20 hingga 30 orang nelayan yang berpangkalan di jeti kecil di Kampung Pedah yang terletak kira-kira 10 kilometer daribandar Jerantut, Pahang bersedia untuk meraih rezeki dari Sungai Pahang.

Mereka bertukar-tukar giliran turun ke sungai untuk menjaring ikan sungai yang menjadi mata pencarian mereka sejak berpuluh tahun lalu.

Kenal pasti kata nama am dan kata nama khas dalam petikan tadi dan

Kata Nama Am	Kata Nama Khas

## KATA 3.3 TI NAMA

Dalam bahasa Melayu, kita biasanya menggunakan **kata ganti nama** untuk **menggantikan nama seseorang**. Kata ganti nama pula berbeza-beza berdasarkan orang yang dirujuk, bilangan dan kedudukan. Mari kita lihat Jadual 3.3 yang menerangkan perkara ini dengan lebih lanjut.

**Jadual 3.3:** Kata Ganti Nama dalam Bahasa Melayu

Kata Ganti Nama Diri	Kata Ganti Nama Diri Tunggal ( <i>Singular</i> )	Kata Ganti Nama Diri Jamak ( <i>Plural</i> )
Diri pertama ( <i>first person</i> )	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Saya (<i>to anyone, I, me, my, mine</i>)</li> <li>• Aku (<i>to intimate friends</i>)</li> <li>• Beta (<i>used by king</i>)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kita (<i>includes person addressed to, we, us, our</i>)</li> <li>• Kami (<i>excludes person addressed to</i>)</li> </ul>
Diri kedua ( <i>second person</i> )	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Awak, engkau, kamu (<i>to a friend or a younger person</i>)</li> <li>• Anda (<i>general form of address, you, your</i>)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Awak semua, kamu semua (<i>all of you</i>)</li> </ul>
Diri ketiga ( <i>third person</i> )	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dia (<i>he/she, him/her/his</i>)</li> <li>• ~nya (<i>his/her</i>)</li> <li>• Beliau (<i>to a person of high social status</i>)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mereka (<i>they, them, their</i>)</li> </ul>

Mari kita baca perbualan berikut yang menggunakan kata ganti nama.

Salman : Hai, selamat pagi!  
 Mark : Hai, selamat pagi! Awak dari mana?  
 Salman : Saya Salman. Saya dari Bangladesh. Siapakah nama awak?  
 Mark : Nama saya Mark. Saya dari England. Ini kawan saya, Jye Han. Dia dari Korea.  
 Salman :  
 Jye Han : Hai Jye Han! Apa khabar?  
 Mark : Khabar baik, Salman. Saya gembira berjumpa awak. Kami sangat gembira berjumpa awak, Salman.



### AKTIVITI 3.2


1. Berdasarkan perbualan antara Salman, Mark dan Jye Han, senaraikan kata ganti nama diri pertama, kedua dan ketiga yang digunakan ke dalam jadual berikut.

Diri Pertama	Diri Kedua	Diri Ketiga

2. Perkenalkan diri anda dengan menggunakan ayat yang lengkap.

## POLA 3.4 DASAR

Tahukah anda dalam bahasa Melayu, terdapat **empat** jenis pola ayat dasar? Pola ayat dasar ini disenaraikan dalam Rajah 3.3.



Rajah 3.3: Empat jenis pola ayat dasar

Mari kita lihat Jadual 3.4 yang menjelaskan contoh bagi keempat-empat jenis pola ini.

Jadual 3.4: Contoh bagi Empat Pola Ayat Dasar

Pola	Subjek	Predikat
Pola 1	<b>Frasa Nama (FN)</b>	<b>Frasa Nama</b>
	Ibu saya	guru
	Alvin	pelajar
	Saya	penyanyi
Pola 2	<b>Frasa Nama</b>	<b>Frasa Kerja (FK)</b>
	Ahmad	berlari
	Misha	makan
	Kakak saya	menjahit
Pola 3	<b>Frasa Nama</b>	<b>Frasa Adjektif (FA)</b>
	Musa	kacak
	Adik saya	comel
	Pak Ali	rajin
Pola 4	<b>Frasa Nama</b>	<b>Frasa Sendi Nama (FSN)</b>
	Salman	dari Bangladesh
	Mark Adam	di perpustakaan
	Ibu	ke pasar

### 3.4.1 Pola Ayat Dasar I - Frasa Nama + Frasa Nama

Mari kita lihat Jadual 3.5 yang memberikan beberapa contoh pola ayat dasar FN + FN dengan kata ganti nama.

**Jadual 3.5:** Contoh Pola Ayat Dasar FN + FN

Kata Nama	Kata Ganti Nama	Frasa Nama
Nama	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Saya</li> <li>• Awak</li> <li>• Dia</li> <li>• Mereka</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Nama saya (<i>my name</i>)</li> <li>• Nama awak (<i>your name</i>)</li> <li>• Nama dia (<i>his/her name</i>)</li> <li>• Nama mereka (<i>their names</i>)</li> </ul>
Kereta	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Saya</li> <li>• Awak</li> <li>• Dia</li> <li>• Mereka</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kereta saya (<i>my car</i>)</li> <li>• Kereta awak (<i>your car</i>)</li> <li>• Kereta dia (<i>his/her car</i>)</li> <li>• Kereta mereka (<i>their car</i>)</li> </ul>
Bapa	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Saya</li> <li>• Awak</li> <li>• Dia</li> <li>• Mereka</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bapa saya (<i>my father</i>)</li> <li>• Bapa awak (<i>your father</i>)</li> <li>• Bapa dia (<i>his/her father</i>)</li> <li>• Bapa mereka (<i>their father</i>)</li> </ul>

Akhir sekali, pembinaan ayat berdasarkan pola FN (subjek) + FN (predikat) diberikan dalam Jadual 3.6.

**Jadual 3.6:** Pembinaan Ayat Berdasarkan Pola FN + FN

Frasa Nama (Subjek)	Frasa Nama (Predikat)	Binaan Ayat
Nama saya	Jonathan	Nama saya Jonathan.
Nama kakak saya	Amelia	Nama kakak saya Amelia.
Nama bapanya	Rajesh	Nama bapanya Rajesh.
Nama ibunya	Mariam	Nama ibunya Mariam.

Untuk makluman anda, pola ayat dasar 2 (frasa nama + frasa adjektif), pola ayat dasar 3 (frasa nama + frasa kerja) dan pola ayat dasar 4 (frasa nama + frasa sendi nama) akan diterangkan dalam Topik 4 dan 5.



### SEMAK KENDIRI 3.2

Nyatakan empat jenis pola ayat dasar.



### AKTIVITI 3.3

Susun perkataan berikut supaya menjadi ayat yang betul:

No.	Perkataan			Jawapan
1.	saya	Halim	nama	
2.	nama	Marlina	dia	
3.	dia	Perodua	kereta	
4.	Malaysia	saya	negara	
5.	20 tahun	dia	umur	

## RUMUSAN

- Berkommunikasi dalam bahasa Melayu memerlukan seseorang itu menegur atau menyapa orang lain.
- Terdapat beberapa ungkapan yang biasanya digunakan oleh seseorang untuk memulakan perbualan atau bertegur sapa seperti hai, helo, selamat pagi, selamat datang dan jumpa lagi.
- Bahasa Melayu mempunyai sistem kata ganti nama yang tersendiri.
- Kata nama ialah perkataan yang digunakan untuk merujuk sesuatu benda, manusia, haiwan, alam dan sebagainya. Ia terbahagi kepada dua, iaitu kata nama am dan kata nama khas.

- Kata ganti nama digunakan untuk menggantikan nama seseorang. Kata gantinama pula berbeza-beza berdasarkan orang yang dirujuk, bilangan dan kedudukan.
- Terdapat empat pola ayat dasar dalam bahasa Melayu, iaitu:
  - Frasa nama + frasa nama;
  - Frasa nama + frasa kerja;
  - Frasa nama + frasa adjektif; dan
  - Frasa nama + frasa sendi nama.
- Ayat dasar pola terdiri daripada subjek dan predikat.
- Subjek biasanya dibina dengan frasa nama.
- Predikat terdiri daripada frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif dan frasa sendinama.

## KATA KUNCI

Frasa adjektif (FA)

Frasa kerja (FK)

Frasa nama (FN)

Frasa sendi nama (FSN)

Kata ganti nama diri

Kata ganti nama diri jamak

Kata ganti nama diri tunggal

Kata nama am

Kata nama khas

Pola ayat dasar

Predikat

Subjek

Ucapan tegur sapa



## RUJUKAN

Ab Rahman Ab Rashid, & Yap Kim Fatt. (1997). *Bahasa Melayu komunikasi 1*.

Petaling Jaya, Malaysia: Longman Malaysia.

Ab Rahman Ab Rashid, & Yap Kim Fatt. (1998). *Bahasa Melayu komunikasi 3*.

Petaling Jaya, Malaysia: Longman Malaysia.

Faizah Izzani Zakaria. (2018, Mac 31). Meraih rezeki di Sungai Pahang. *Utusan Online*. Dicapai dari <http://www.utusan.com.my/mega/meraih-rezeki-di-sungai-pahang-1.638684>

Zarina Othman, Roosfa Hashim, & Rusdi Abdullah. (2012). *Modul komunikasibahasa Melayu antarabangsa*. Bangi, Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.